

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HKT 504 – KAEADAH PENYELIDIKAN KESUSASTERAAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja, sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A

1. Bincangkan aspek-aspek penting yang perlu ada dalam sebuah proposal yang baik bagi membolehkan seseorang penyelidik melakukan kajian yang berkesan.
2. Pilih satu permasalahan kajian dalam bidang tradisi lisan, kemudian terangkan secara kritis tentang kaedah pemerhatian untuk mendapatkan data bagi menangani permasalahan tersebut.
3. Kajian mengenai manuskrip sering melibatkan kaedah filologi. Terangkan dengan jelas bagaimana anda mempraktikkan kaedah itu untuk meneliti sesuatu manuskrip dan seterusnya bandingkannya dengan kaedah lain yang anda tahu.

Bahagian B

4. Pada masa ini terdapat kaedah dokumentasi siber. Bincangkan bagaimana laman internet boleh menjadi salah satu sumber dalam kaedah penyelidikan anda.
5. Pendekatan kualitatif paling sering digunakan untuk penyelidikan kesusasteraan. Dengan memberikan contoh yang konkret, bincangkan sejauh mana pendekatan kuantitatif boleh melengkapi pendekatan kualitatif itu.
6. Kajian kesusasteraan memerlukan bukti untuk setiap hujahan yang diutarakan. Berdasarkan penyelidikan yang anda lakukan, bincangkan salah satu metodologi yang memungkinkan anda menyokong setiap hujahan yang diberi.